

Headline	Kemasukan MCA perkuat BN		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Feb 2014	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Mahkamah	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	91 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 815	PR Value	RM 2,446



## Kemasukan MCA perkuat BN

**SHAH ALAM-** Kesediaan MCA untuk menerima kembali jawatan dalam Kabinet dilihat mampu memperkuatkan lagi komponen BN terutamanya dalam meraih sokongan kaum Cina di Malaysia.

Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani berkata, perkara itu jelas penting memandangkan sebahagian besar undi kaum Cina pada PRU13 lalu tidak memihak kepada BN.

"Ketiadaan mereka selaku parti yang mewakili kepentingan kaum Cina dalam kabinet merugikan dan saya rasa langkah yang dibuat Presiden MCA yang baharu iaitu Datuk Seri Dr Liow Tiong Lai (terima jawatan) itu tepat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, MCA wajar menggunakan peluang ini bagi mengukuhkan semula kuasa mereka selaku antara parti terbesar yang mewakili suara dan hak kaum Cina di negara ini.

"Tiong Lai ada tegaskan ketiadaan MCA dalam kerajaan sejak sembilan bulan lalu menjejaskan usahanya untuk memberi khidmat berkesan kepada rakyat terutamanya berkaitan isu pendidikan dan Kampung Baharu Cina," katanya.

Semalam, MCA mengadakan EGM dan meluluskan resolusi parti untuk kembali menerima jawatan kerajaan di setiap peringkat.